



PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PROGRAM MADANI KITA (PMK) LINGGI PERKUKUH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN DAN HUBUNGAN BERSAMA RAKYAT

PORT DICKSON, 12 Julai 2026 - Program MADANI Kita (PMK) terus menjadi platform strategik Kerajaan MADANI dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan kerajaan secara terus kepada rakyat melalui pendekatan yang inklusif dan berimpak.

Program yang berlangsung di Dewan Besar Orang Ramai Linggi hari ini disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Turut hadir Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Pejabat Perdana Menteri, YBhg. Dato' Dr. Roslan Hussin.

Dalam ucapannya, YAB Menteri Besar berkata Program MADANI Kita membuktikan komitmen Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memperkukuh hubungan dengan rakyat melalui penyampaian maklumat yang tepat, akses kepada pelbagai perkhidmatan kerajaan serta interaksi secara langsung bersama agensi.

Beliau berkata kerjasama AKM, Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perdana Menteri, Kerajaan Negeri serta pelbagai kementerian dan agensi mencerminkan pendekatan keseluruhan kerajaan (whole-of-government) dalam melaksanakan agenda pembangunan negara.

Menurut beliau, pendekatan turun padang memastikan dasar dan inisiatif kerajaan sampai kepada rakyat, di samping memperkukuh patriotisme, perpaduan dan nilai Malaysia MADANI.

Beliau turut menegaskan Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh kerjasama strategik dengan Kerajaan Persekutuan bagi memacu pembangunan ekonomi, modal insan, pelancongan dan luar bandar. Pemilihan Linggi sebagai lokasi program juga

bertepatan dengan potensi kawasan tersebut dalam sektor pelancongan, pertanian, perikanan dan pembangunan ekonomi komuniti.

YAB Menteri Besar merakamkan penghargaan kepada semua kementerian, jabatan, agensi, pihak berkuasa tempatan, pasukan keselamatan, rakan strategik, sukarelawan dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) yang menjayakan penganjuran program di Linggi kali ini.

Program MADANI Kita merupakan inisiatif Kerajaan MADANI yang menghimpunkan pelbagai kementerian, jabatan dan agensi di bawah satu platform bagi memudahkan rakyat mendapatkan perkhidmatan kerajaan, maklumat dasar semasa serta mengukuhkan semangat kebersamaan antara kerajaan dan rakyat.

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
12 JULAI 2026
